

**Kota Kinabalu:** Liga Sukan Bola Keranjang Wanita anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama sebulan diakhiri dengan kemenangan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS).

Ketua pasukan SPPS, Tho Wan Jun, berkata pihaknya amat berpuas hati dengan pembabitan dalam liga sukan pada tahun ini memandangkan pasukan terbabit tidak berkesempatan menyertai kejohanan liga berkenaan pada tahun lalu akibat kekurangan pemain.

Katanya, pasukan itu berasib baik tahun ini kerana terdapat pelajar Sains Sukan dan Program Pendidikan yang mulai mencebur dalam bidang sukan permainan itu.

Rakannya dalam pasukan SPPS, Melvina Marvin Chong, pula berkata kemenangan itu tidak disangka memandangkan kebanyakannya pemain dalam pasukan SPPS kali pertama menyertai Liga Sukan Bola Keranjang wanita itu.

"Kami mendapat tunjuk ajar pensyarah seperti Dr Mohamad Nizam Nazarudin, Pathmanathan K Suppiah dan Hasnol Noordin.

"Tunjuk ajar itu memboleh-

# SPPS juara bola keranjang UMS

BH 13·6·13 v16

kan kami berjaya meningkatkan kecerdasan, disiplin dan semangat sehingga menjuarai liga ini," kata-

## Taktik kejayaan

Majlis penyampaian hadiah kejohanan itu disempurnakan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur.

Selain SPPS, empat lagi sekolah pengajian turut menyertai liga itu termasuk Sekolah Perubatan (SPU),

Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS), Sekolah Sains dan Teknologi (SST) dan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP).

Pasukan SPPS berjaya menewaskan SPKS dengan jumlah jaringan 36-2 pada perlawanan akhir. Pasukan juara itu beraksi garang apabila menguasai permainan dengan taktik menyerang sehingga pasukan SPKS ketinggalan 2-28 seawal minit ke-10.

Kekalahan itu sekali gus menjadikan pasukan berkenaan menyandang naib juara, manakala pasukan SST di tempat ketiga.



**Pemain pasukan SPPS yang menjuarai Liga Sukan Bola Keranjang Wanita UMS.**